

GARIS PANDUAN PERMOHONAN LESEN IMPORT (AP) KENDERAAN PERSENDIRIAN BAGI

A. AHLI PARLIMEN (DEWAN NEGARA DAN DEWAN RAKYAT) DAN ADUN

DASAR SEMASA

1. Boleh dipertimbangkan kepada YB Ahli Dewan Negara, Dewan Rakyat serta ADUN;
2. Layak dipertimbangkan maksimum 2 unit AP seumur hidup sekiranya berkhidmat melebihi 1 penggal; dan
3. Layak dipertimbangkan 1 unit AP kepada YB Ahli Dewan Undangan Negeri seumur hidup dalam tempoh perkhidmatan.

SYARAT KELAYAKAN

1. Pemohon masih berkhidmat sebagai YB Ahli Dewan Negara, Dewan Rakyat dan ADUN;
2. 1 unit AP dalam 1 penggal perkhidmatan sebagai YB Ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat, maksimum 2 unit AP seumur hidup;
3. Kenderaan hendaklah berusia tidak melebihi 5 tahun dari tarikh pendaftaran pertama;
4. Kenderaan tidak boleh dijual / ditukar hakmilik dalam tempoh 2 tahun dari tarikh pendaftaran; dan
5. YB Ahli Parlimen dan ADUN hendaklah menjelaskan cukai, duti atau lain-lain duti dan cukai yang ditetapkan oleh Kerajaan sepenuhnya.

B. BEKAS AHLI PARLIMEN (DEWAN NEGARA DAN DEWAN RAKYAT)

DASAR SEMASA

Boleh dipertimbangkan 1 unit AP kepada Bekas Ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang telah berkhidmat selepas 26 Mac 1997.

SYARAT KELAYAKAN

1. Pemohon telah berkhidmat sebagai YB Ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat selepas 26 Mac 1997;
2. Tidak pernah memohon / menggunakan peruntukan AP semasa berkhidmat sebagai Ahli Parlimen;

3. Kenderaan tidak boleh dijual / ditukar hakmilik dalam tempoh 2 tahun dari tarikh pendaftaran; dan
4. Pemohon hendaklah menjelaskan cukai, duti atau lain-lain duti dan cukai yang ditetapkan oleh Kerajaan sepenuhnya.

C. PROSEDUR PERMOHONAN

1. Setiap permohonan **hendaklah dikemukakan melalui <http://reg.dagangnet.com/>** dengan menyertakan borang-borang serta dokumen sokongan yang teratur dan lengkap seperti berikut:
 - (i) Borang Permohonan Lesen Import Kenderaan Persendirian; dan
 - (ii) Salinan dokumen sokongan yang dinyatakan dalam Senarai Semak.
2. Pemalsuan dokumen/maklumat kepada mana-mana badan Kerajaan merupakan satu kesalahan yang serius dan menyalahi undang-undang. Sekiranya pihak MITI mendapati berlaku pemalsuan dokumen/maklumat semasa permohonan dikemukakan atau kelulusan telah diberikan, pihak MITI berhak untuk menolak permohonan atau membatalkan kelulusan tersebut. Selanjutnya, pemohon juga **boleh disenarai hitam dan dikenakan tindakan undang-undang** di atas kesalahan tersebut.
3. Keputusan permohonan AP Kenderaan Persendirian akan dibuat dalam tempoh **5 hari bekerja**.

Sebarang pertanyaan lanjut sila hubungi kami di:

03-6208 4970/ ap@miti.gov.my

Sebarang pertanyaan berkenaan sistem:

Dagang Net Technologies Sdn. Bhd.
Tower 3, Avenue 5, The Horizon Bangsar South
No. 8, Jalan Kerinchi
59200 KUALA LUMPUR
Toll free : 1300.133.133
Email : careline@dagangnet.com
Website : <http://www.dagangnet.com>

Disediakan Oleh:
Unit AP Persendirian
Seksyen Kawalan Eksport dan Import
Bahagian Sokongan Perdagangan dan Industri
Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI)